



MAINS TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN RM6.71 JUTA DARIPADA EMPAT SYARIKAT KORPORAT



SEREMBAN – Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan menerima zakat perniagaan berjumlah RM6,714,304.20 daripada empat syarikat korporat dalam majlis penyerahan zakat perniagaan syarikat korporat di Istana Hinggap, Seremban.

Majlis turut dihadiri Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Zafir Ibrahim serta Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Dato' Seri Dr Abdul Aziz Sheikh Ab Kadir.

Sumbangan terbesar adalah daripada Lembaga Tabung Haji (TH) berjumlah

RM4,242,779.20 yang disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Turut menyerahkan zakat ialah Maybank Islamic Berhad sebanyak RM1.1 juta melalui Penasihat Syariah Muhammad Ali Jinnah Ahmad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dengan jumlah RM871,525 yang diwakili Ahli Lembaga Pengarahnya, Tunku Datuk Ahmad Burhanuddin Tunku Adnan, serta Sime Darby Property (Nilai) Sdn Bhd dengan nilai RM500,000 disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Azmir Merican.

Tuanku Muhriz kemudiannya menyerahkan sumbangan zakat berkenaan kepada Pengerusi MAINS, Dato' Seri Dr Abdul Aziz Sheikh Ab Kadir.

Keseluruhan kutipan zakat perniagaan tersebut akan digunakan untuk memperkukuh agenda kebajikan ummah di Negeri Sembilan. Dana zakat diagihkan dalam pelbagai bentuk bantuan yang akan disalurkan bagi memperkasa asnaf fakir miskin, membangunkan keupayaan usahawan asnaf, memperluas sokongan pendidikan anak-anak asnaf serta melaksanakan pelbagai inisiatif kebajikan yang mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat secara menyeluruh.



2.5%

ATAS HARTA PERNIAGAAN YANG LAYAK DIZAKAT YANG BERSAMAAN ATAU MELEBIHI HISAB



Tunaikan Zakat Perniagaan Rezeki Bersih, Masyarakat Sejahtera

Kongsikan kejayaan perniagaan dengan mereka yang memerlukan melalui Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN

SEDIAKAN PENYATA KEWANGAN SYARIKAT

Penyata kewangan syarikat hendaklah terkini
atau penyata kewangan yang telah diaudit
Jika tiada, boleh menggunakan penyata akaun bank syarikat/ anggaran pendapatan dan perbelanjaan syarikat

BUAT TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN

MAINS taksir:-
e-mel penyata kewangan syarikat kepada zakatperniagaan@mains.gov.my
Taksir sendiri:
<http://www.mains.gov.my/v5/web/perniagaan.php>

PENGESAHAN TAKSIRAN

Dapatkan penyata eZP
atau sahkan taksiran sendiri di kaunter MAINS

BUAT PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN

Hadir ke kaunter MAINS Daerah/ Cawangan berhampiran
atau bayar secara atas talian:- www.zakats2u.biz
Simpan resit sebagai bukti pembayar Zakat Perniagaan dengan baik untuk keperluan pembayar



MAINS (Daerah Jempol) menziarahi dan menyalurkan bantuan wang tunai kepada mangsa kebakaran di lot kedai Bandar Baru Serting yang musnah hampir 90 peratus sebagai tanda keprihatinan terhadap musibah yang menimpa.



MAINS dengan kerjasama UPM melalui dana Wakaf Ilmu, WAZAN, PAWE dan MyAgeing merasmikan pembukaan Teratak Wakaf Pak Ngah Atan di Taman Golf Heights sebagai ruang kesejahteraan dan produktiviti warga emas setempat.



Seramai 13 asnaf MAINS menyertai Kursus Asas Pertanian anjuran LPP dengan kerjasama MAINS di Banting sebagai persediaan menyertai Projek IPR Usahawan Tani yang bertujuan meningkatkan sosioekonomi melalui pertanian moden.



Seramai 57 anak asnaf MAINS diraikan dalam Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang di Hotel Royale Chulan Seremban dengan menerima sijil, insentif dan hadiah pendidikan sebagai dorongan untuk terus cemerlang ke peringkat lebih tinggi.



MAINS (Daerah Seremban) menganjurkan Program Kesihatan 'Sihat Ceria Bersama Atuk & Uwan' di Masjid Dato' Klana Petra Lela Mohd. Yusof, Sikamat khusus untuk asnaf berusia 50 tahun ke atas bagi meningkatkan kesedaran amalan kesihatan berpanjangan.



Seramai 21 pelajar Darul Asnaf Sri Sendayan (DASS) MAINS menyertai program 'The Hero Journey' di Sri Sendayan bagi pendedahan tentang salah laku jenayah bawah umur serta bahaya rokok elektronik dan dadah dengan taklimat disampaikan oleh Jurubahasa Kanan Mahkamah Sesyen Jenayah Seremban, Romi Hisham Mustapa.



MAINS menganjurkan 'Wakaf Fund Run' sempena Karnival Kita Madani X PMR di Masjid al-Azim, Nilai dengan penyertaan lebih 200 peserta bersama Kevin Zahri serta pelbagai aktiviti kesihatan dan pameran agensi.



Program Mobilisasi Sukarelawan Anak Malaysia (SATRIA) Peringkat Daerah Port Dickson melibatkan hampir 100 peserta membersihkan rumah keluarga asnaf dan tanah perkuburan Kampung Sungai Raya dengan kerjasama pelbagai agensi serta perasmian oleh ADUN Linggi, Dato' Mohd. Faizal Ramli.